



UPM Juara Berganda Hoki Lelaki dan Wanita IPT



Pemain hoki lelaki dan wanita UPM bergambar dengan piala iringan, replika cek dan barangan tajaan Nestle.

PENANG, 1 Dis – Pasukan hoki lelaki dan wanita muncul juara Pesta Hoki USM Antarabangsa 2008 bagi kategori Institut Pengajian Tinggi (IPT) setelah menewaskan lawan masing-masing dari UiTM Malaysia B dan UPSI A dengan keputusan 1-0 dan 3-0 di Stadium Hoki USM.

Pasukan hoki lelaki dan wanita UPM membawa pulang hadiah berupa piala iringan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), piala pusingan, wang tunai RM 1,000, medal dan barangan tajaan Nestle.

Lebih manis, tiga orang pemain hoki UPM iaitu Kannagi A/P Arumugam dinobatkan Pemain Terbaik Wanita Kategori IPT, Khairunnisah Kamaruzaman (Penjaga Gol Wanita Kategori IPT) dan Tengku Ahmad Tajuddin Tengku Abdul Jalil (Pemain Lelaki Paling Menyerlah Kategori IPT).

Ketiga-tiga pemain itu membawa pulang hadiah berupa medal, barangan sumbangan Nestle dan Be Composites yang disampaikan oleh Naib Canselor USM, Prof. Tan Sri Dato' Dzukifli Abdul Razak.

Jurulatih pasukan wanita, Wan Zaharuddin Wan Abdullah berkata UPM telah menghantar enam pasukan iaitu dua pasukan staf UPM untuk kategori terbuka, tiga pasukan lelaki dan satu pasukan perempuan bagi kategori IPT.

Beliau berkata pasukan wanita UPM telah memenangi sebanyak empat kali kejohanan tersebut manakala pasukan hoki lelaki pula telah memenangi dua kali kejohanan tersebut.

"Sebanyak 14 orang pemain hoki lelaki UPM dipilih untuk mewakili Malaysia pada Kejohanan Sukan Universiti Asia (SUA) yang berlangsung pada 11 hingga 21 Disember ini," katanya lagi.

Pesta Hoki USM Antarabangsa 2008 telah disertai oleh pasukan hoki tempatan dan antarabangsa dari Australia, Taiwan, Hong Kong, Timor Leste, Brunei, Singapura, Thailand, Sri Langka dan India.

Turut hadir memeriahkan pertandingan tersebut ialah DYTM Raja Muda Perak Raja Dr. Nazrin Shah Ibtisam Sultan Azlan Muhibuddin Shah.



Sukri (tiga dari kiri) beraksi garang merempuh benteng UiTM Malaysia B.

Disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.